

# Semak kelayakan Skim Air Darul Ehsan melalui BSH

SHAH ALAM - Tiada keperluan permohonan Skim Air Darul Ehsan dilakukan memandangkan maklumat kelayakan boleh disemak melalui pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH).

Penganalisis Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, langkah semakan itu disifatkan lebih efektif berbanding secara permohonan bagi mengelak mereka yang layak tercicir.

"Jadi tidak perlu permohonan daripada pengguna kerana mereka yang duduk di Selangor dan layak menerima BSH sepatutnya layak menerima bantuan air percuma ini," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Namun menurutnya, jika permohonan tetap mahu diteruskan maka hebahan dan promosi mengenai program itu perlu dipergiatkan.

"Tahap kepekaan masyarakat mengenai program kerajaan negeri ini berbeza-beza mengikut lokaliti terutamanya di luar bandar yang mungkin sukar mendapat akses informasi.

"Bagi memastikan program ini memberikan impak dan mencapai matlamatnya maka hebahannya perlu dimasukkan bersama dalam program kerajaan negeri," katanya.

Beliau turut menyarankan agar kerajaan negeri bersikap proaktif dengan menyediakan kakitangan khusus bagi pendaftaran permohonan.

"Tidak semua celik IT, maka kerajaan negeri perlu menyediakan pegawai petugas yang membantu proses permohonan tersebut dengan kerjasama ketua kampung, persatuan penduduk dan wakil rakyat.

"Kalau boleh, majoriti didaftarkan untuk bantuan ini guna pangkalan data BSH dan pendaftaran atas talian pula dikhaskan kepada mereka yang didapati tercicir dari BSH," katanya.

Kelmarin, Menteri Besar, Amirudin Shari dalam satu kenyataan menyebut hanya penduduk dengan pendapatan isi rumah bawah RM4,000 layak menikmati Skim Pemberian Air Percuma ditawarkan kerajaan Selangor bermula 1 Mac depan.